



**KEMENTERIAN  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**PLANMalaysia**

Perancangan Melangkai Kelaziman  
*Planning: Beyond Conventional*



**TEKS UCAPAN**

**YBRS. TPr Gs. DR. SHAMSAINI BINTI SHAMSUDDIN  
KETUA PENGARAH PLANMalaysia**

**SEMPENA**

**SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR  
SEDUNIA TAHUN 2020**

**10 NOVEMBER 2020  
24 RABIUL AWAL 1442H**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum WBR dan Salam Sejahtera

## PENDAHULUAN

1. Apa khabar semua? Saya doakan semuanya berada dalam keadaan yang sihat walafiat hendaknya.
2. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan rahmat dan izinNya jua, dapat kita bersama-sama meraikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia peringkat Kebangsaan Tahun 2020 (HPBS 2020)
3. Jutaan terima kasih diucapkan kepada YB Menteri kerana sudi meluangkan masa untuk menyempurnakan sambutan HPBS pada tahun ini.

4. Ucapan terima kasih juga kepada semua Jururancang bandar yang turut hadir melalui medium webinar dan juga di dalam FB Live PLANMalaysia pagi ini, sama ada dari sektor kerajaan mahupun swasta bagi memeriahkan lagi sambutan pada petang ini walaupun dalam keadaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat.

5. Alhamdulillah, walaupun keadaan situasi SOP PKPB masih berjalan, kita dapat juga menganjurkan majlis sambutan ini bagi meraikan hari yang istimewa kepada semua jururancang bandar, penolong pegawai perancang bandar dan mereka-mereka yang terlibat dalam perancangan pembangunan negara. Namun, suka saya ingatkan diri saya dan hadirin warga maya semua agar sentiasa peka terhadap SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Kekalkan jarak 1 meter antara kita, jangan bersentuhan, sentiasa memakai penutup muka atau mask yang menepati standard yang ditetapkan dan kekalkan kebersihan diri dengan kerap mencuci tangan dan memakai sanitizer. Ini adalah satu norma

baru yang perlu kita patuhi kini dan ia akan menjadi kelaziman kita pada masa hadapan.

**Yang Berbahagia Dato'-Dato, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian**

### **TEMA HPBS 2020**

6. Hari Perancangan Bandar Sedunia atau dikenali dengan akronim HPBS telah disambut pada 8 November di hampir 30 buah negara di seluruh dunia pada setiap tahun. Sambutan HPBS ini adalah untuk meraikan profesion Perancangan Bandar di seluruh dunia. Sambutan HPBS bermula dari cetusan idea dan usaha Profesor Carlos Maria Della Paolera, seorang cendekiawan perancangan bandar terkenal dari Argentina yang menetapkan 8 November setiap tahun bermula tahun 1949 sebagai Hari Perancangan Bandar Sedunia. HPBS diraikan lebih 30 negara di seluruh dunia. PLANMalaysia juga telah menjadikan HPBS sebagai agenda tahunan semenjak tahun 1988 lagi.

7. Sambutan HPBS pada tahun 2020 ini kita raikan di luar kelaziman iaitu sambutan secara maya melalui platform webinar dan FB Live PLANMalaysia.
8. Demi memartabatkan profesion perancangan bandar di dalam norma yang baharu, tema HPBS pada tahun ini iaitu **Norma Baharu: Perancangan Melangkaui Kelaziman** yang juga merupakan slogan atau tagline PLANMalaysia telah dipilih. Ini adalah seiring dengan peranan perancang bandar yang sentiasa memikirkan sesuatu yang melangkaui kelaziman dan bersedia dengan cabaran persekitaran yang baharu.
9. Perpindahan PLANMalaysia ke bangunan baharu di Blok F5, Kompleks F, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya telah mencatatkan sejarah gemilang PLANMalaysia khususnya profesion perancang bandar amnya. Jabatan Perancangan Bandar yang mula-mula merancang Putrajaya dengan penyediaan Pelan Induk Putrajaya pada tahun 1995, akhirnya dapat juga berdiri megah di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di fasa

terakhir pembangunan kompleks kerajaan di Putrajaya pada tahun 2020.

**Yang Berbahagia Dato'-Dato, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian**

10. Pada tahun 1991 sewaktu Kerajaan Malaysia menetapkan Wawasan 2020 dengan matlamat Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian dan maju, sudah tentu kita tidak dapat membayangkan negara dan dunia akan berhadapan dengan situasi pada hari ini akibat daripada serangan halus virus covid-19 yang bukan sahaja melumpuhkan sektor ekonomi dunia tetapi juga menggugat kestabilan sosial.

11. Bagi mengadaptasi apa yang berlaku pada masa kini, Perancang Bandar haruslah selangkah ke hadapan dalam menangani isu semasa dan merancang masa hadapan dengan lebih baik. **Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat**

merupakan panduan terbaik perancangan bandar di Malaysia.

12. Doktrin Perancangan dan Pembangunan Sejagat satu doktrin menyeluruh yang mengintegrasikan nilai kerohanian dalam perancangan bandar di Malaysia dengan mengambil kira **hubungan antara Manusia dengan Pencipta, Manusia dengan Manusia dan Manusia dengan Alam Sekitar.**

13. Doktrin ini yang disediakan pada tahun 1993 dilihat masih relevan sehingga saat ini malah ia diterjemahkan ke dalam semua rancangan pembangunan yang disediakan oleh PLANMalaysia. Putrajaya merupakan contoh terbaik pembangunan yang diadaptasi dan direalisasikan daripada doktrin ini.

14. Melalui norma baharu ini, perancangan yang berlandaskan teknologi maklumat diberi keutamaan. Ia bukan sahaja dapat memberikan maklumat yang pantas dan tepat kepada masyarakat tetapi juga

dapat memantau dan mencorakkan pembangunan masa hadapan dengan lebih baik dan lebih strategik berdasarkan data yang diperolehi melalui teknologi *artificial intelligence*, *internet of things (IoT)* dan *big data*.

15. Pembangunan Malaysia Urban Observatory (MUO) oleh PLANMalaysia adalah seiring dengan Industri 4.0 dimana maklumat dan data menjadi asas utama dalam sesuatu perancangan atau pembuatan.

16. MUO akan menyediakan platform pangkalan data yang menggunakan sistem maklumat pintar bersepadu bagi menyokong pertumbuhan mampan. Ia akan bertindak sebagai satu pusat data, pusat rujukan, pemantauan dan pelaporan menyeluruh secara nasional bagi memantau tahap kesejahteraan dan kemampuan bandar-bandar di Malaysia dari aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. MUO akan menjadi elemen penting di dalam menjayakan program bandar pintar (smart city) di Malaysia.



17. Sebagai Jabatan yang melaksanakan perancangan melangkaui kelaziman, konsep bandar pintar masa hadapan telah dirangka oleh PLANMalaysia. Sebanyak tujuh (7) komponen bandar pintar telah digariskan iaitu *smart governance*, *smart people*, *smart digital*, *smart mobility*, *smart living* dan *smart environment*. Kesemua komponen memberi panduan kepada kerajaan untuk bersiap sedia menghadapi era baru bandar pintar. Kesiapsiagaan bukan sahaja kepada keperluan penyediaan kemudahan dan teknologi tinggi tetapi juga kepada pembangunan modal insan yang berkemahiran dan berpengetahuan.

18. Selain daripada program bandar pintar, PLANMalaysia juga telah menyediakan garis panduan baharu serta menambahbaik beberapa garis panduan sedia ada antaranya Garis Panduan Perancangan Bandar Rendah Karbon, Garis Panduan Perancangan Penginapan Pekerja Asing, Garis Panduan Perancangan Warga Emas dan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat.

19. Garis panduan-garis panduan ini ditambahbaik dengan mengambil kira situasi norma baharu pada hari ini dan juga bagi perancangan masa hadapan sebagai persiapan ke arah negara menua menjelang tahun 2030 (yang mana pada tahun 2030 penduduk Malaysia yang berusia 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk di Malaysia).

**Yang Berbahagia Dato'-Dato, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian**

### **SAMBUTAN HPBS 2020**

20. Pelbagai program sempena sambutan HPBS telah dirancang pada tahun ini. Program-program ini bukan sahaja dilaksanakan di peringkat persekutuan malah turut dilaksanakan oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia antaranya PLANMalaysia Negeri Sembilan telah mengadakan kuiz atas talian sejak akhir bulan September. Manakala, PLANMalaysia Pulau Pinang telah mengadakan

Program Jejak Warisan pada 16 Oktober 2020. Bagi lain-lain negeri dijangkakan akan melaksanakan program sepanjang bulan November ini.

21. Di peringkat Ibu Pejabat, antara program yang kita telah laksanakan adalah Program Outreach ke enam (6) buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur. Program *outreach* ini merupakan salah satu platform mendekatkan PLANMalaysia umumnya dan profesion Perancang Bandar khususnya kepada golongan pendidik dan generasi pelapis tentang perancangan bandar melalui pembelajaran subjek geografi kajian tempatan. Program kalaborasi ini mendapat reaksi yang baik oleh pentadbir sekolah kerana dapat membantu guru-guru meningkatkan pemahaman dalam pengajaran subjek geografi, malah kita juga telah dijemput untuk menjayakan program minggu kerjaya di peringkat sekolah.

22. Selain program outreach kita juga mengadakan pertandingan Video Ucapan Kreatif HPBS yang menawarkan hadiah lumayan iaitu RM1000 bagi

tempat pertama RM750 tempat kedua dan RM500 tempat ketiga.

23. Walau bagaimanapun terdapat juga program yang telah dirancang namun tidak dapat dilaksanakan khususnya apabila ia melibatkan himpunan yang ramai seperti seminar dan *fun walk*. Kita kena akur dan patuh dengan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk bersama-sama menghentikan penularan Covid-19 di negara kita.

**Yang Berbahagia Dato'-Dato, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian**

24. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada YB Menteri di atas kesudian melapangkan masa untuk merasmikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia peringkat Kebangsaan tahun 2020.

25. Ucapan terima kasih tidak terhingga juga kepada semua pegawai PLAN Malaysia yang terlibat secara langsung atau tidak langsung menjayakan Majlis Sambutan HPBS pada tahun ini sama ada di peringkat Kebangsaan ataupun negeri.

26. Kepada semua perancang bandar, hari ini hari kita. Marilah kita menyambutnya dengan penuh iltizam dan keceriaan walaupun hanya berjumpa dan berdiskusi secara maya. Semoga pertemuan ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara kita dan menjadi platform untuk kita bersatu hati dalam merancang pembangunan negara yang mampan yang melangkaui kelaziman. Diharapkan kita dapat berkumpul bersama-sama lagi pada tahun 2021 meraikan Sambutan 100 Tahun Perancang Bandar. Pelbagai program telah dijadualkan, semoga kita berjumpa lagi.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.